

Tinjauan dapati masih ramai kurang faham peranan Presiden Dipilih

Azahar Mohd

Berita Harian, 2 Nov 2011

Warga Singapura masih jauh daripada memahami peranan sebenar Presiden Dipilih, menurut tinjauan yang dijalankan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS).

Tinjauan melibatkan lebih 2,000 warga Singapura itu merangkumi 11 kenyataan bagi menguji sejauh mana warga Singapura memahami peranan sebenar perlembagaan Presiden Dipilih.

Secara purata warga Singapura memperolehi 5.4 mata bagi 11 soalan yang dikemukakan, menurut Zamil Penyelidik Kanan IPS, Dr Gillian Koh, yang membentangkan kajian itu semalam.

Kebanyakan warga Singapura memahami bahawa Presiden mewakili negara dalam mesyuarat dan lawatan ke luar negara, menjadi Ketua Negara dan berupaya menghalang niat pemerintah yang mahu membelanjakan rizab negara sekiranya Presiden tidak bersetuju dengan rancangan itu.

Namun empat daripada setiap lima warga Singapura yang ditinjau berkata Presiden perlu memastikan pemerintah menguruskan ekonomi negara dengan bijak - iaitu tafsiran yang mungkin dipengaruhi kempen yang dijalankan oleh Presiden Tony Tan Keng Yam.

Namun tafsiran itu adalah di luar bidang kuasa Presiden.

Hasil tinjauan itu diumumkan sewaktu forum Pilihan Raya Presiden yang diadakan di Hotel Orchard pagi semalam bagi mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pengundi sewaktu pilihan raya presiden pada 27 Ogos lalu.

Antara lain, tiga daripada setiap empat yang ditinjau menyangka Presiden boleh membuat ucapan awam secara bebas mengenai isu-isu nasional yang difikirkan penting.

Dua daripada tiga yang ditinjau pula fikir Presiden boleh memastikan pemerintah melaksanakan janji-janjinya dalam pilihan raya umum yang lalu.

Kedua-dua tafsiran ini juga di luar bidang kuasa Presiden Dipilih.

'Lebih banyak pendidikan politik perlu diadakan bagi menjelaskan peranan Presiden Dipilih. Tafsiran yang kurang tepat ini mungkin disebabkan kali terakhir rakyat keluar mengundi bagi Presiden ialah pada 1993. Pengundi juga mungkin dipengaruhi kempen yang dijalankan keempat-empat calon,' jelas Dr Koh lagi.

Seperti juga pilihan raya umum pada Mei lalu, Internet memainkan peranan penting selepas akhbar dan televisyen dari segi kesannya ke atas pengundi.

Ketika mengulas mengenai hasil tinjauan itu, Profesor Madya Eugene Tan dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) mencadangkan supaya pihak media seperti televisyen memainkan peranan bagi mendidik orang ramai mengenai tanggungjawab sebenar Presiden Dipilih seperti dalam bentuk lakonan dan drama.

'Ini kerana wujudnya 'tentangan' apabila pemerintah sendiri cuba mendidik orang ramai mengenai tanggungjawab tersebut,' jelasnya lagi.

Editor akhbar berbahasa Cina, Lianhe Zaobao, Encik Goh Sin Teck, pula berkata kesediaan keempat-empat calon menerima dan berdebat di alam siber menunjukkan bahawa media sosial akan mempunyai peranan lebih besar dalam pilihan raya umum akan datang.

'Saya tidak menolak kemungkinan Parti Tindakan Rakyat (PAP) dan parti-parti pembangkang turun padang untuk berdebat di alam siber bagi memikat pengundi kelak,' jelasnya.